

Nama: _____

Kelas: _____

Tarikh: _____

membersihkan

mengadakan

bermula

menjamu selera

menggunting

memotong

Pada hari Ahad yang lalu, penduduk Taman Jaya telah _____ aktiviti gotong-royong _____ kawasan perumahan mereka.

Aktiviti gotong-royong ini _____ pada pukul 8.30 pagi. Penduduk Taman Jaya bersama-sama membersihkan longkang, _____ rumput, _____ pokok bunga, dan lain-lain.

Pada pukul 12.00 tengah hari, penduduk Taman Jaya selesai bergotong-royong. Mereka kemudiannya _____ bersama-sama. Mereka berasa gembira kerana kawasan perumahan mereka menjadi indah dan ceria.



Baca petikan di atas. Kemudian, pilih jawapan yang tepat.

- Bilakah penduduk Taman Jaya mengadakan aktiviti gotong-royong?
 - Hari Jumaat
 - Hari Ahad
 - Hari cuti
- Mengapakah penduduk Taman Jaya mengadakan aktiviti gotong-royong?
 - Untuk mengelakkan penyakit
 - Untuk membersihkan kawasan sekolah
 - Untuk membersihkan kawasan perumahan mereka
- Bilakah aktiviti gotong-royong ini bermula?
 - Pada awal pagi
 - Pada pukul 8.30 pagi
 - Pada pukul 12.00 tengah hari
- Apakah aktiviti yang dilakukan oleh penduduk Taman Jaya ketika aktiviti gotong-royong?
 - Membersihkan semak samun
 - Membersihkan longkang dan memotong rumput
 - Membersihkan longkang, memotong rumput, menggunting pokok bunga, dan lain-lain
- Mengapakah penduduk Taman Jaya berasa gembira?
 - Kawasan perumahan mereka indah dan ceria
 - Kawasan perumahan mereka cantik
 - Dapat menjamu selera